



Anwar menyampaikan ucap terna pada APR Ke-38 anjuran ISIS Malaysia, di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

ASEAN perkukuh perjanjian dagangan hadapi situasi global

BERITA HARIAN 20 JUN 2025 m/s 12

Anwar mahu negara anggota tingkat integrasi serantau, manfaat pemangkin pertumbuhan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: ASEAN berusaha menaik taraf perjanjian perdagangan sedia ada di antara negara anggota dan rakan dialog, ke arah mendepani situasi global yang semakin mencabar, selain memperkukuh asas yang menyokong kestabilan serantau, kata Datuk Seri Awar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ASEAN akan terus meletakkan kepercayaan kepada prinsip asas ASEAN dan potensinya yang berterusan serta pada masa sama, memperkukuh tekad untuk terus melangkah ke hadapan.

“Dalam menghadapi peningkatan perlindungan perdagangan, kita harus mengingatkan diri bahawa perdagangan bukanlah perkara sampingan kepada keselamatan, ia juga adalah sebahagian daripada asas yang menyokong kestabilan rantau ini.

“Apabila perdagangan merosot, perpecahan akan menyusul. Kita sedang membuat persiapan menghadapi dunia yang penuh dengan cabaran dan kita mesti memperkukuh integrasi serantau, membangunkan lagi hubungan ekonomi dan memanfaatkan pemangkin pertumbuhan

masa depan, termasuk transformasi digital, lonjakan pesat kecerdasan buatan (AI) dan peralihan tenaga,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucap terna pada Sidang Meja Bulat Asia Pasifik (APR) Ke-38 anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Pengerusi ISIS Malaysia, Datuk Prof Dr Mohd Faiz Abdullah.

Bukti keupayaan ASEAN

Menyorot Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 bulan lalu, Perdana Menteri berkata, kejayaan besar Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC)-China yang julung kali diadakan bukan sahaja membuktikan keupayaan ASEAN sebagai pemangkin pertemuan, malah menzahirkan fokus rantau ini dalam memanfaatkan sinergi ekonomi dan membina kerjasama institusi.

Katanya, perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital yang dimuktamadkan akan membuka potensi besar ekonomi digital di negara ASEAN dan peningkatan keterhubungan dalam rantau ini membuka peluang kepada perniagaan tempatan untuk meluaskan capaian merentasi negara anggota.

Selain potensi ASEAN dari segi ekonomi, Perdana Menteri berkata, pembangunan mampan adalah satu tugas mendesak bagi rantau ini berikutan kesan buruk perubahan iklim terhadap sumber rezeki rakyat.

Mengenai isu Myanmar,

Anwar berkata, penyelesaian krisis di negara itu adalah tanggungjawab mendesak bagi ASEAN yang jika tidak diselesaikan, akan terus memberi kesan kepada kestabilan rantau ini.

Beliau berkata, adalah sesuatu yang memalukan jika ASEAN menutup mata terhadap krisis yang semakin meruncing di negara itu, justeru menuntut semua negara anggota mengambil pendirian bersama untuk menyelesaikannya.

“Kita perlu bersuara dan bertindak. Bagi saya, amat memalukan jika ASEAN tidak menganggap perkara ini sebahagian daripada tanggungjawabnya.

“Sudah tentu, kita mengalu-alukan usaha daripada Eropah, Amerika Syarikat (AS), China dan pihak lain. Mereka boleh datang dan membantu, tetapi ini adalah tanggungjawab ASEAN. Ini adalah tugas mendesak bagi negara-negara jiran,” katanya.

Perdana Menteri berkata, konflik di Myanmar tidak lagi terhad dalam sempadan negara itu sahaja selepas negara jiran seperti Thailand dan Malaysia turut terkena tempias, termasuk dengan kedatangan hampir 200,000 pelarian dari Myanmar.

“Ia turut memberi kesan kepada kita. Myanmar ialah jiran kita. Ia adalah sebahagian daripada ASEAN, tetapi masalah ini sedang dipindahkan kepada negara lain. Jadi, kita tidak boleh berdiam diri. Kita perlu bertindak,” katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau juga sudah menyampaikan pendirian Malaysia dan ASEAN dalam isu itu kepada junta Myanmar dan Kerajaan Perpaduan Nasional (NUG) yang mewakili pembangkang.